



LAPORAN TAHUNAN

Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu
2016

BAB 1 Pendahuluan

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) bertanggungjawab ke atas perihal kualiti di Universiti Teknologi MARA. Sebagai pusat pengurusan kualiti, InQKA mengurus serta menjadi pemangkin kepada aktiviti berkaitan kualiti yang dijalankan bukan sahaja di peringkat kampus induk dan fakulti di Shah Alam, waima di peringkat kampus negeri serta cawangannya, demi memastikan kepatuhan keseluruhan universiti kepada i) *Code of Practice for Institutional Audit* (COPIA), ii) *Code of Practice for Programme Accreditation* (COPPA), iii) ketetapan badan-badan profesional serta iv) keperluan ISO 9001.

Meneruskan legasi jaminan kualiti, InQKA kekal bertindak sebagai penyelarar utama atau sekretariat universiti bagi urusan audit Pensijilan ISO9001:2008 di peringkat korporat oleh badan pensijilan LRQA; menyelaras urusan penganugerahan kualiti di peringkat universiti iaitu Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) dan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), di samping meneruskan lain-lain portfolio berkaitan kualiti. Pada tahun 2016 InQKA memberi fokus kepada beberapa projek *Headline* KPI universiti yang bertujuan untuk i) menambahbaik proses di peringkat operasi bagi seluruh sistem UiTM melalui projek *Operational Excellence* (OE), ii) meningkatkan reputasi UiTM menerusi inisiatif Penarafan Universiti (QS dan THE), dan iii) Inisiatif ketampakan UiTM dipentas digitalisasi global menerusi Pemantapan Web Media UiTM.

Laporan ini memerihalkan aktiviti-aktiviti kualiti sepanjang tahun 2016 yang dikendalikan InQKA dengan memberi penekanan kepada perincian mengikut fokus: Bab 1; Bab 2.



LAPORAN TAHUNAN InQKA 2016

KONSEP, REKA BENTUK & TERBITAN

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)
Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2,
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel: +603-5543 5702 Faks: +603-5543 5721
Laman Web: <http://inqka.uitm.edu.my/main>